# MANIFESTO

20 Mei, 2025

Halilintar bermaksud guruh atau petir. Dalam kesudahan sesuatu kejadian, orang ramai akan cuba mencari sebuah teks untuk menentukan maksudnya, jadi inilah satu percubaan. Kekejaman yang dilakukan oleh Israel ke atas rakyat Palestin tidak boleh digambarkan, tidak boleh dikira. Kita tidak hanya membaca tentang kekejaman ini, kita melihatnya di video, kadangkala secara live. Selepas angka kematian meningkat secara mendadak untuk beberapa bulan, Israel bertindak menghancurkan aparatus membilang kematian, yang membantu matlamat genosid mereka. Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Gaza membilang 53,000 dibunuh, sekurang-kurangnya 10,000 di bawah runtuhan, dan ribuan lain yang mati akibat penyakit dan kelaparan, dengan berpuluh ribu lagi berisiko kebuluran kerana sekatan Israel, yang dihalalkan oleh keterlibatan kerajaan Barat dan Arab.

Pejabat penerangan Gaza membilang juga 10,000 di bawah runtuhan dalam angka kematiannya. Angka '10,000' di bawah runtuhan ini masih disebut oleh pemberita, walaupun runtuhan baharu terus dicipta dan runtuhan lama dibedil dan dibedil lagi di samping kem di antaranya. Seperti angka kematian di Yaman, yang bertahun-tahun dibekukan pada angka 'ribuan' sementara pengeboman Saudi-UK-AS berlanjutan, dan kemudiannya didedahkan sebagai 500,000, semua angka di atas semestinya terlalu kecil. Saya tiada masalah mempercayai mereka yang menganggarkan angka kematian 100,000 ke atas. Lebih ramai telah dibunuh dari bulan Mac tahun ini daripada jumlah kematian kedua-dua Ops Protective Edge dan Cast Lead. Apa lagi yang boleh dikatakan tentang bilangan kanak-kanak di antara timbunan mayat yang diputuskan, dibakar dan diletupkan. Kami yang membiarkan ini berlaku tidak berhak dimaafkan rakyat Palestin. Mereka sendiri telah berkata demikian.



Aksi bersenjata tidak semestinya aksi ketenteraan. Biasanya ia bukan. Biasanya ia persembahan, pertunjukan, seperti juga aksi tidak bersenjata. Protes aman pada permulaan genosid ini memberi gambaran perubahan. Tidak pernah ada berpuluh ribu di negara Barat yang turun ke jalanan bersama rakyat Palestin. Tidak pernah ada politikus Amerika yang terpaksa mengaku bahawa—walaupun hanya secara retorik—rakyat Palestin juga adalah manusia. Tetapi sehingga kini retorik tidak mencukupi. Israel sendiri mengaku terkejut dengan kebebasan yang diberikan Amerika untuk melenyapkan rakyat Palestin. Pendapat umum tentang negara apartheid yang genosidal ini telah berubah sedikit, tetapi kerajaan Amerika hanya mengangkat bahu dan tidak perlu mengendahkannya —di mana pendapat ini tidak dijadikan jenayah, ia akan dicekik dengan kata-kata hambar seperti mereka mencuba sedaya upaya menahan kelakuan Israel.

Aaron Bushnell dan lain-lain mengorbankan diri dengan harapan memberhentikan keganasan dan kita dibuatkan merasa seperti pengorbanan mereka hanya sia-sia, seperti tiada harapan memperhebatkan aksi untuk Gaza, seperti tiada guna membawa pulang perang ini.



Kami tidak boleh membiarkan mereka menang. Pengorbanan Bushnell dan lain-lain bukan sia-sia.

Kekebalan kerajaan kami semasa bersubahat dalam keganasan ini patut didedahkan sebagai ilusi maya semata-mata. Seorang doktor yang merawat mangsa genosid Maya oleh kerajaan Guatemala pernah menceritakan bahawa apabila beliau sedang membedah pesakit yang cedera parah, beberapa orang bersenjata masuk ke bilik pembedahan dan menembak pesakit itu di atas meja sambil ketawa. Bagi doktor itu, perkara yang paling teruk adalah melihat orang yang sama—orang yang dikenalinya—berjalan bebas di kota pada tahun-tahun berikutnya.



Pada ketika lain, ada seorang lelaki cuba menolak Robert McNamara ke dalam laut dari feri yang menghala ke Martha's Vineyard. Beliau marah melihat kekebalan dan keangkuhan penyembelih rakyat Vietnam itu duduk berketawa dengan kawan-kawannya dalam ruang rehat feri. Lelaki itu jijik melihat "posturnya, yang seakan-akan berkata, 'Sejarah saya elok, saya boleh boleh duduk di bar ini dengan kawan saya Ralph dan kamu harus menerimanya.'" Lelaki itu tidak berjaya menolak McNamara ke dalam air—bekas setiausaha negara itu berpaut pada rel dan kembali ke kakinya, tetapi lelaki itu tetap menegaskan bahawa aksinya ada nilai: "Apapun, saya berjaya mengheretnya ke luar, di mana kami bersemuka, dan tiba-tiba sejarahnya tidak begitu elok."

Berkenaan moraliti demonstrasi bersenjata: kami yang menentang genosid mengambil kepuasan dalam berkata pelaku dan rakan subahat mereka telah hilang kemanusiaan. Saya simpati dengan pandangan ini, dan faham nilainya menenteramkan jiwa yang tidak tahan melihat keganasan, walaupun di sebalik skrin. Tetapi ketidakmanusiaan telah lama didedahkan sebagai sifat manusia yang biasa dan agak banal. Pelaku genosid boleh menjadi ibubapa yang prihatin, anak yang taat, kawan yang pemurah, orang asing yang mesra, yang ada kekuatan moral apabila perlu dan kadangkala apabila tidak, dan juga menjadi iblis. Kemanusiaan tidak mengecualikan sesiapa daripada akauntibilliti. Aksi ini boleh dijustifikasikan dari segi moral 11 tahun lalu semasa Ops Protective Edge, apabila saya mula sedar akan tindakan brutal kita di Palestin. Tetapi saya rasa kebanyakan orang Amerika pada masa itu akan melihat aksi ini sebagai kurang jelas, tidak waras. Sekurang-kurangnya hari ini ada ramai orang Amerika yang akan melihat aksi ini sebagai amat jelas, dan dalam cara tertentu, satu-satunya perkara waras yang boleh dilakukan.

Saya sayang kamu, mak, pak, adik, dan ahli *familia* lain, termasuk kamu, O*****

Bebaskan Palestin.

**Elias Rodriguez**

Terjemahan oleh

GEGAR

